

# Apa makna pertemuan Dr. Mahathir dan Soros?

Um - 17/12/2006

Oleh NOOR AZAM SHAIRI

AYAT pertama yang kedengaran dalam sidang akhbar yang diadakan sebaik saja selesai pertemuan di antara bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan George Soros di Kuala Lumpur kelmarin ialah permintaan daripada jurugambar yang mahukan kedua-dua tokoh yang pernah berperang mulut itu bersalam.

"Salam Tun, salam," kata beberapa orang jurugambar hampir serentak.

Kedua-dua mereka pun berjabat tangan, dan serentak itu kedengaran cup-cap bunyi kamera diketik untuk merakamkan detik-detik yang dilihat cukup menarik itu. Sejarah pahit tahun 1997 ketika mana mata wang negara-negara di rantau Asia termasuk ringgit menjunam teruk sudah mereka tinggalkan di belakang.

Dua tokoh yang pernah berkelahi mulut - Dr. Mahathir menggelarnya sebagai penyayang dan tolol, dan dibalas oleh Soros yang menyifatkan bekas Perdana Menteri itu sebagai pengacau (*menace*) negaranya sendiri - duduk sebagai kawan dan melihat masa depan.

Dr. Mahathir juga mengakui betapa persepinya terhadap Soros sudah berubah.

"Ada beberapa hal yang kami bersependapat," kata Dr. Mahathir, dan beliau menjelaskan hal-hal itu menyentuh tentang masalah Palestin, tindakan unilateral Amerika Syarikat serta kesilapan-kesilapan Presiden George Bush.

Pertemuan mereka lebih kurang satu jam di sebuah hotel terkemuka di tengah-tengah Kuala Lumpur itu sebenarnya langsung tidak menyentuh soal krisis ekonomi 1997 dan penglibatan Soros sebagai spekulator mata wang, sebaliknya tertumpu kepada soal-soal keamanan dunia.

Soros berada di Kuala Lumpur untuk mempromosikan buku terbarunya, *The Age of Fallibility: The Consequences of War on Terror*. Buku itu merupakan lanjutan ideanya tentang mengubah sikap dan dasar-dasar luar AS yang dikupasnya dalam bukunya sebelum ini, *The Bubble of American Supremacy: The Cost of Bush's War in Iraq*.

"Pandangan kami mengenai kesilapan pentadbiran Bush dan tindak balas mereka terhadap serangan pengganas, serupa," kata Soros, dalam sidang akhbar itu.

Kebanyakan daripada kita tahu nama Soros sebagai seorang penyayang mata wang yang menjadi dalang kejatuhan ekonomi Asia, yang kesan buruknya turut kita rasai sehingga beberapa tahun selepas 1997. Tetapi sesetengah daripada kita barangkali terlupa atau tidak tahu bahawa sejak tiga empat tahun lalu, beliau seorang yang kuat menentang Bush.

Inilah orangnya yang mengisytiharkan bahawa fokus utama hidupnya ialah menyingkirkan Bush dari White House dan kerja itu adalah "urusan hidup dan mati." Malah bilionair yang disenaraikan oleh majalah *Forbes* sebagai orang ke-27 ter-

kaya di Amerika Syarikat dengan nilai kekayaan sebanyak AS\$8.5 bilion itu pernah berjenaka beliau bersedia jatuh miskin untuk tujuan itu.

## Dana

Soros tidak pernah memberikan sumbangan dana yang besar dalam mana-mana kempen pilihan raya Presiden sehinggalah tahun 2004. Tetapi beliau dikatakan menderma hampir AS\$24 juta kepada kumpulan-kumpulan yang berkempen menentang Bush dalam pilihan raya itu, namun Bush menang juga mengalahkan calon Demokrat, John Kerry.

Soros setakat ini belum mengumumkan sokongannya kepada mana-mana calon Presiden dalam pilihan raya 2008 nanti

tetapi di New York awal bulan ini beliau menjadi hos kepada Senator Barack Obama.

Dalam bukunya yang baru itu, Soros mengakui bahawa usaha mewujudkan sebuah dunia yang lebih adil, saksama dan stabil menjadi lebih sukar selepas pilihan raya itu. "Ini bukan lagi soal menyingkirkan Presiden Bush dari White House. Kita memerlukan satu pemikiran semula yang lebih mendalam tentang peranan Amerika dalam hal-ehwal dunia," tulisnya dalam prolog buku barunya itu.

AS, katanya, perlu berubah sikap. Ia harus terlebih dahulu menerima hakikat bahawa perang melawan keganasan yang dipeloporinya sejak peristiwa 11 September adalah satu kesilapan yang besar.

Dalam satu tulisannya yang tersiar da-

lam akhbar *The Wall Street Journal* kira-kira dua bulan yang lalu, Soros dengan terang menyatakan bahawa perang melawan keganasan adalah satu metafora palsu yang tidak produktif dan melahirkan dasar-dasar yang merugikan.

Metafora itu malangnya, kata Soros, diterima oleh rakyat Amerika. Walaupun perang di Iraq itu sekarang ini secara umumnya diterima sebagai satu kesilapan yang besar, idea menggunakan perang untuk melawan keganasan masih kekal menjadi dasar luar Amerika Syarikat. Ia menjadi satu dasar yang diterima.

Itulah juga yang diujahkan oleh Soros dalam *The Age of Fallibility*.

## Ukuran

Apa yang lebih malang, konsep perang melawan keganasan itu menjadi ukuran bagi rakyat Amerika dalam menilai ahli-ahli politik mereka. Parti Demokrat yang sekarang menguasai Kongres dan dikatakan mempunyai peluang besar untuk merampas kerusi Presiden dalam pilihan raya 2008 nanti juga terpaksa menarikan lenggok yang sama kerana takut dilihat tidak bergigi dalam soal-soal keselamatan.

Tetapi Soros berpendapat bahawa Amerika perlu menukar cara ia melawan pengganas. Ia tidak lagi boleh melakukan apa yang diperangnya sendiri, iaitu keganasan. Ketika ia memerangi keganasan, dunia melihat AS sebagai pengganas, dan itu bukanlah sesuatu yang baik untuk masa depan dan kesejahteraan dunia seluruhnya.

Seperti yang digagaskan oleh Soros dalam bukunya itu, usaha ini adalah soal menukar pemikiran masyarakat terutamanya di AS tentang realiti masa kini dan potensi besar yang ada untuk membentuk sebuah dunia yang lebih sejahtera.

Dalam konteks inilah pertemuan Soros dengan Dr. Mahathir, tokoh yang sejak dua tahun lalu melancarkan kempen mengahamkan perang melalui Forum Keamanan Dunia Perdana, itu harus dilihat. Mereka bersetuju bahawa usaha ke arah sebuah dunia yang aman tidak cukup dengan hanya mengutuk peperangan.